

CNS2819

U GB 01-05 00186 BB851

BAH

SABAH AKAN BANGUN SEMULA KALAU BN PERINTAH, KATA PM

Mahathir - Sabah

KOTA KINABALU, 1 Mei (Bernama) -- Negeri Sabah akan membangun semula, malah lebih pesat daripada yang pernah dinikmatinya dahulu sebelum Parti Bersatu Sabah (PBS) memerintah, jika Barisan Nasional (BN) menguasai semula negeri ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Xatanya, beliau sedih melihat pembangunan dan ekonomi negeri ini yang terus ketinggalan seientara PBS pula terus sibuk mengeksploitasi pelbagai isu politik negatif dalam usaha untuk mengekalkan kuasanya.

Selagi Sabah di bawah PBS, selama itulah PBS terus mengamalkan politik perkauman yang berpandangan sempit, semata-mata untuk membolehkannya terus berkuasa dan mengabaikan pembangunan, katanya ketika merasmikan perdidangan agung pertama Parti Liberal Demokratik, anggota komponen BN Sabah yang terbaru, di sini.

Dr Mahathir berkata, hanya BN yang dapat menyelamatkan keadaan ekonomi Sabah yang terus merosot serta dapat menjamin kepentingan semua kaum tanpa sebarang prasangka.

+Konsep BN adalah satu-satunya sistem politik terbaik untuk Malaysia yang kini turut mendapat perhatian dunia. Oleh itu, semua rakyat mesti menyokong agar sistem ini terus berkecualan, + katanya lagi. -- Lagi.

▼01/05/12-20MST

CNS2822

U GB 01-05 00172 BB852

BAH

Mahathir - Sabah 3 Xota Kinabalu

+Kita boleh membangunkan Malaysia dengan lebih cepat dari negara-negara lain dengan kestabilan dan keharmonian politik yang menjadi amalan BN.

+Saya percaya satu hari kelak Malaysia akan mampu mempunyai sebuah parti bercorak Malaysia yang tidak berasaskan perkauman. Tetapi kita belum mencapai tahap itu, untuk sementara ini, sistem BN-lah yang terbaik, + tambahnya.

Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, orang Melayu boleh menguasai pemerintahan negara ini, jika ia mahu, melalui majoriti kerusi yang dikuasai dalam Parlimen.

+Tetapi UMNO tidak tamakkan kuasa. Ia mengutamakan kerjasama dengan kaum-kaum lain untuk sama-sama memerintah negara ini. Buktinya banyak yang dapat dilihat sepanjang masa.

+Ini berlainan dengan PBS yang kononnya parti pelbagai kaum tetapi kuasanya terletak pada satu kaum atau satu keluarga sahaja, + kata beliau.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta masyarakat Cina di Sabah memberikan sokongan tidak berbelah bagi kepada LDP dan parti-parti komponen BN yang lain dalam usaha menawan semula kerajaan negeri Sabah daiam pilihan raya akan datang; -- Lagi.

▼01/05/12-27MST

CNS2829

U GB 01-05 00153 BB853

BAH

Mahathir + Sabah 3 Xotn Kinabalu

Beliau juga mengingatkan me'reka supaya tidak terpedaya dengan taktik PBS dan DAP yang kononnya hendak mempertahankan hak orang Cina, sedangkan pada hakikatnya, tambah Dr Mahathir, mereka memecah-belahkan kaum Cina.

+Dalam sejarah BN jelas terbukti tidak'ada penindasan dilakukan terhadap orang Cina.

+Orang Cina di Semenanjung kini hidup lebih mewah daripada dahulu kerana kita tidak' adatekanan. Kita sudah beransur-ansur membuka peluang-peluang kepada semua pihak.

+Baru-baru ini Amanah Saham MARA (ASM) dibuka untuk semua pihak. Ini membuktikan bahawa bukan kita nak semua untuk bumiputera. Bila bumiputera sudah mampu, sudah kuat, kita sanggup beri keistimewaan ini kepada kaum lain juga+, katanya lagi.

Dr Mahathir juga mengingatkan rakyat bahawa kestabilan dan keamanan' yang dikecapi Malaysia kini ialah kerana kejayaan konsep BN yang memberikan hak sama rata kepada semua kaum untuk sama-sama mengambil bahagian dalam pemerintahan dan pembangunannya. -- Lagi.

▼01/05/12-39MST

CNS2830

U GB 01-05 00113 BB854

BAH

Mahathir - Sabah 4 (Akhir) Kota Kinabalu

+Kita bersikap liberal, semua kaum diwakili. Memang ada perbezaan pendapat tetapi tidak sampai bermusuhan. Kita runding bersama, semua merasa legadan tidak merasa terancam,+ tambahanya.

Yang turut samapada majlis perasmian ini ialah para pemimpin parti komponen BN termasuk Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik yang juga Presiden Gerakan, Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat yang juga Setiausaha Agung UMNO dan Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun.

Selain LDP yang ditubuhkan pada tahun 1989, parti komponen BN Sabah lain ialah UMNO, USNO, MCA dan AKAR (Parti Angkatan Keadilan Rakyat). -- Bernama .

▼01/05/12-41MST